

# BAB 1

## KE ARAH MENAMATKAN SISTEM RESIDEN, 1945-1957

### 1.1 Pengenalan

Sejak 1905/1906 Brunei diberi status negeri naungan dan ditadbirkan mengikut Sistem Pemerintahan Residen seperti yang diamalkan oleh pemerintahan British di kawasaan yang lain seperti Afrika, Burma, Tanah Melayu dan lain-lain negeri di Asia Tenggara. Selepas pendudukan Jepun gerakan menuntut kemerdekaan di kalangan negeri-negeri Asia Tenggara telah mempengaruhi Brunei untuk turut serta berjuang mendapatkan kemerdekaan. Di Brunei gerakan ini sangat berbeza, tidak seperti di negeri-negeri tanah jajahannya lain disebabkan oleh kurang pimpinan dan pendidikan. Pendudukan semula British di Brunei tidak mendapat tentangan dari rakyat dan ini membolehkan sistem Residen diteruskan. Pergerakan nasionalisme lembab walaupun sudah terdapat sebuah pertubuhan di akhir 1930-an yang dikenali sebagai Barisan Pemuda (BARIP) tetapi kegiatannya terbatas. Undang-undang British iaitu *Societies Enactment* 1933<sup>1</sup> yang mengharamkan pergerakan politik menyebabkan kegiatan pertubuhan ini terbatas kepada hal ekonomi dan sosial.

---

<sup>1</sup> Tujuan undang-undang ini dibuat untuk memastikan setiap persatuan atau kesatuan yang hendak ditubuhkan tidak berunsurkan politik.

Kekayaan hasil dari penemuan minyak menyebabkan British ingin terus mengekalkan pengaruhnya ke atas Brunei. Disebabkan dasar British lebih kepada kepentingan ekonomi dan mengabaikan kepentingan anak negeri telah menimbulkan kegelisahan rakyat. Pengiriman anak-anak tempatan belajar keluar negeri memulakan pendedahan anak negeri tentang suasana politik serantau dan antarabangsa. Ini sebagai modal untuk memulakan gerakan dalam mencorakkan masa depan Brunei.

Ketidak jujuran pentadbir British untuk menangani masalah sosial dan ekonomi rakyat serta meningkatkan kemajuan sesuai dengan kekayaan yang dimiliki oleh Brunei dan sikap British memperlakukan Brunei sebagai sebuah negara koloni telah melahirkan keinsafan di kalangan pemimpin dan juga rakyat Brunei untuk mengambil semula kuasa serta menentukan masa depan Brunei.

Bab ini, menumpuan kajian terhadap dasar yang diperkenalkan oleh British yang telah menyedarkan Brunei untuk mengambil alih semula hak kedaulatannya dan, bagaimana pandangan dan perspektif yang berbeza di antara pihak Sultan dan Parti Rakyat Brunei mengenai perlembagaan untuk berkerajaan sendiri telah menimbulkan konflik dalaman Brunei.

## **1.2 Brunei Di Bawah Pentadbiran Residen**

Sejak kejayaan British meletakkan residennya pada 1906, mereka telah berjaya menentukan dasar politik dan polisi pentadbiran dengan cara membukukan kesedaran politik di kalangan rakyat. Buktinya tidak terdapat sebuah parti politik pun yang

bersedia untuk menuntut kemerdekaan selepas pendudukan Jepun seperti yang berlaku di negara-negara lain di Asia Tenggara.

Majlis Negeri yang dibentuk pada 1907 dengan keramaian ahli 11 orang yang berfungsi sebagai badan eksekutif bukanlah merupakan sebagai sebuah badan yang sebenarnya walaupun kedudukan Sultan sebagai pengurus dan majoriti ahli-ahlinya terdiri dari pembesar-pembesar tradisional kerana setiap keputusan bergantung kepada persetujuan Residen. Mengikut perjanjian 1906, Residen mempunyai kuasa dalam bidang pentadbiran kecuali agama Islam. Dengan terbentuknya perjanjian penyatuan pentadbiran antara Brunei dan Sarawak pada 1948, Gabenor Sarawak telah menjadi Pesuruhjaya Tinggi bagi Brunei dan Residen bertanggungjawab ke atas Pesuruhjaya Tinggi. Ini menggambarkan kuasa Residen semakin berkurangan dan segala keputusan bergantung kepada budi bicara Pesuruhjaya Tinggi. Pentadbiran begini membolehkan Residen membuat alasan untuk melambat-lambatkan setiap keputusan yang diambil untuk kemajuan di Brunei. Sultan, walaupun mempunyai kuasa tertinggi dalam Majlis, tidak dapat mempengaruhi Residen. Keadaan ini berlaku disebabkan kelemahan dan tidak ada kewibawaan sultan-sultan terdahulu, kerana semasa memerintah umur terlalu muda dan jawatan tersebut selalu dipangku oleh para Wazir.<sup>2</sup> Mereka juga tidak mempunyai latar belakang pendidikan moden, dan ini memberikan peluang kepada Residen menjalankan kuasa penuh. Sultan-sultan dan para wazir tidak dapat memberi sumbangan dan membiarkan pentadbiran dijalankan oleh Residen. Ada kalanya mereka pernah diancam. Contohnya pada satu ketika di zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jamalul Alam II (1906-1924),

Residen mengancam untuk menurunkan baginda dari takhta dan menurunkan elauan kerana enggan mengikut nasihat Residen.<sup>3</sup>

### **1.3 Brunei Selepas Perang Dunia Kedua**

Selepas Perang Dunia Kedua tamat, Brunei telah diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera British (selepas ini akan disebut BMA) sebelum diserahkan semula kepada Pentadbiran Awam. Pada zaman pendudukan Jepun, rakyat Brunei telah mengalami peristiwa pahit yang tidak dapat dilupakan oleh mereka. Zaman ini penuh dengan penderitaan akibat kekurangan makanan dan wabak penyakit. Dengan pendudukan semula British keadaan telah dapat dipulihkan menerusi bantuan-bantuan yang diberikan dan dianggap sebagai langkah “*liberation from evil oppression*”.<sup>4</sup>

#### **1.3.1 Pentadbiran Tentera British (BMA)**

Dengan pendaratan Tentera Berikat pada 10 Jun 1945<sup>5</sup> Brunei telah diletakkan di bawah BMA. Pentadbiran BMA ditugaskan untuk membangun dan membaikpulih kerosakan-kerosakan, menyusun semula pentadbiran dan undang-

---

<sup>2</sup> Salah seorang daripadanya Sultan Ahmad Tajuddin. Baginda telah ditabalkan menjadi raja ketika berumur 12 tahun.

<sup>3</sup> D.E. Brown, “The Structure and History of A Bornean Malay Sultanate”, Brunei Museum Journal (BMJ), Monograph 1970/72, Vol. 2, hal. 93.

<sup>4</sup> A.V.M. Horton, The British Residency in Brunei, 1906-1959, Occasional Paper No. 6, London: The University of Hull, 1984, hal. 40.

<sup>5</sup> Brunei Annual Report (BAR), 1946, hal. 7.

undang negeri serta memberi bantuan kepada mangsa peperangan dan membasmi penyakit akibat peperangan.

Oleh kerana pegawai-pegawai pentadbir tentera yang didatangkan tidak boleh bertutur dalam bahasa Melayu kemudahan pentadbiran dan perhubungan telah diambil alih oleh orang-orang Cina yang boleh berbahasa Inggeris sebagai orang tengah untuk memudahkan proses pentadbiran.<sup>6</sup> British menganggap bangsa Cina adalah bangsa yang lebih maju dan mempunyai tamadun.<sup>7</sup> Pada akhirnya, orang-orang tempatan merasa tersisih kerana tidak diberikan peranan yang penting oleh British akibat kelemahan berkomunikasi. Berbanding dengan zaman pendudukan Jepun, kebanyakan pegawai pentadbir terdiri dari kalangan orang-orang tempatan. Mereka ini diberi jawatan-jawatan tinggi di dalam pentadbiran negeri. Keadaan ini tidak pernah dinikmati oleh pegawai tempatan sebelum Jepun mengambil alih pentadbiran.<sup>8</sup>

Sikap pentadbir British ini telah menyebabkan orang-orang Cina menjadi angkuh dan berani. Mereka telah mengambil kesempatan untuk menghasut pegawai-pegawai pentadbir British bagi menangkap dan menggantung kerja pentadbir tempatan

---

<sup>6</sup> Semasa pendudukan Jepun, jumlah penduduk Cina lebih kurang 6,000 orang, Pada 1947, jumlah tersebut meningkat kepada 8,300 orang. Mereka telah memegang jawatan-jawatan penting antaranya; Bahagian Pentadbiran, Stanley Chang, kerani Kewangan Chong Tau Fah, Ketua Pos, Kong En Choi dan Stor Perbekalan, Chua Kong Hock. Beberapa orang daripada mereka telah dilantik menjadi pegawai semantara antaranya Chua Kong Heng, Chua Kong Ann dan lain-lain. Lihat, T.S. Monks, Brunei Days, Sussex: The Book Guild Ltd., England, 1992, hal. 87, 88 dan 92.

<sup>7</sup> Monks, Brunei Days, hal. 65.

<sup>8</sup> Zaini Haji Ahmad, Pertumbuhan Nasionalisma di Brunei 1939-1962, Kuala Lumpur: ZR Publications, Bhd, 1989, hal.21.

dengan alasan menyokong Jepun.<sup>9</sup> Antara mereka yang ditangkap adalah Salleh Haji Masri, Haji Hasbollah Bin Mohd. Daud dan Yusof Rajid kerana dikatakan bekerja sama dengan Jepun semantara Marsal bin Maun dan Othman Bin Bidin telah digantung kerja.<sup>10</sup>

Tidak hanya setakat itu bahkan bendera Negeri China telah dinaikkan di Bandar Brunei.<sup>11</sup> Ini menaikkan kemarahan orang-orang Melayu. Api kemarahan telah mencapai kemuncaknya apabila berlakunya pergaduhan kaum antara orang-orang Cina dengan orang-orang Melayu pada 24 Mac 1946<sup>12</sup>. Menurut T.S. Monks<sup>13</sup> pentadbir British telah melakukan satu kesilapan besar sehingga menyebabkan berlakunya keadaan sedemikian. Menurut beliau;<sup>14</sup>

*I had an uneasy feeling that I might be making a mistake in using Chinese rather than Malays for my initial immediate staff, for the official government staff was predominantly Malay; but in the conditions of the time the more trustful Chinese had a particular place.*

Walaupun keadaan tersebut dapat dikawal namun peristiwa ini telah mencetuskan semangat di kalangan nasionalis untuk bersatu dan bergerak lebih aktif. Dasar diskriminasi dan tindakan yang dilakukan oleh pentadbir-pentadbir tentera

---

<sup>9</sup> Haji Mohd. Jamil Umar, Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, 1992, hal. 5.

<sup>10</sup> Ibid., hal.4-5.

<sup>11</sup> Sabihah Osman, "Kebangkitan Nasionalisma Borneo", Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Brunei Dalam Sejarah I, Anjuran Bersama Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam dan Persatuan Sejarah Brunei, 29-31 Disember 1991, hal. 21. Lihat juga, T.S. Monks, Brunei Day's, hal. 116.

<sup>12</sup> Haji Mohd. Jamil Umar, Liku-Liku Perjuangan, hal. 6.

<sup>13</sup> Monks lahir pada 1916 di England. Beliau juga pernah bertugas menjadi Pegawai Daerah dan Pegawai Majistrate di Brunei ketika Brunei di bawah pentadbiran BMA.

<sup>14</sup> Monks, Brunei Days, hal. 65.

British yang mementingkan keperluan pentadbiran tanpa mengambil kira nilai-nilai tradisi dan kepentingan tempatan telah memarakkan semangat nasionalisme anti-penjajahan di kalangan penduduk Brunei yang sudah mulai tumbuh sejak 30-an.

### 1.3.2 Pemerintahan Pentadbiran Awam

Pentadbiran BMA telah berakhir apabila kuasa pentadbiran telah diserahkan kepada Kerajaan Awam di satu upacara ringkas pada 6 Julai 1946 oleh Mr. C.F.C. Macaskie, seorang pegawai tinggi Tentera Australia. Penyerahan ini telah disaksikan oleh Sultan Ahmad Tajuddin (1924-1950). Dalam upacara tersebut, Baginda berikrar akan terus menunjukkan taat setia kepada King George VI dan akan terus bekerjasama dengan Residen Brunei yang baru iaitu W.J. Peel.<sup>15</sup>

Penyerahan ini juga telah memberi kuasa kepada Majlis Negeri memegang semula pentadbiran dan membolehkan pentadbiran sistem Residen disambung semula setelah digantungkan semasa pendudukan Jepun. Bagi maksud ini Kerajaan British telah mendatangkan pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam dari *Malayan Civil Service* (MCS) dan pegawai-pegawai teknikal dari *Malayan Professional Service* untuk mengisi jawatan-jawatan pentadbiran dalam Kerajaan Brunei.<sup>16</sup> Ini bermakna hampir keseluruhan jawatan pentadbiran telah diisi oleh pegawai-pegawai British. Taktik ini merupakan satu cara untuk mengukuhkan kedudukan, pengaruh dan kuasa mereka di Brunei. Langkah ini memang telah dirancang oleh Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di

---

<sup>15</sup> Sultan to King, 6 Julai 1946, C.O 537/1613.

London, kerana mereka merasa yakin akan berkuasa semula selepas pendudukan Jepun.

Mereka juga merancang untuk menyatukan ketiga-tiga wilayah British Borneo iaitu Brunei, Sarawak dan Borneo Utara menjadi satu unit politik dalam sebuah persekutuan yang dikenali sebagai Persekutuan Wilayah Borneo supaya perpaduan, kerakyataan dan kerjasama dari berbagai bangsa dapat diwujudkan. Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di London juga mahu mengadakan satu perjanjian baru dengan Sultan Brunei bagi menggantikan perjanjian 1905/1906.<sup>17</sup>

Namun demikian rancangan di atas tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh perbezaan sistem pentadbiran, politik, sosial dan tahap kemajuan yang sudah wujud di wilayah masing-masing. Dari segi politik Sarawak di bawah kekuasaan Raja-Raja Brooke, Borneo Utara di bawah Syarikat British Borneo Utara manakala status pemerintahan Brunei adalah di bawah sistem beraja dan negara '*protectorate*'. Tambahan pula kedudukan ekonomi Brunei yang dilihat semakin berpotensi (Jadual I) telah menghalang rancangan tersebut kerana kerajaan British ingin menumpukan perhatian kepada Brunei untuk mengukuhkan kedudukan dan pengaruhnya bagi menjamin kepentingan ekonomi British di Brunei tidak terjejas.

---

<sup>16</sup> D.E. Brown, "Socio-Political History of Brunei, A Bornean Malay Sultanate", Ph.D Thesis, Cornell University, Ithaca, 1969: 251.

<sup>17</sup> A.V.M. Horton, "The Development of Brunei During The British Residential Era 1906-1959: A Sultanate Regenerated", Ph.D. Thesis, University of Hull, England, 1985, hal. 453-454.

## JADUAL I

**Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Brunei Hasil  
dari Pengeluaran Minyak 1940-1949**  
**(B\$juta)**

TAHUN	PENDAPATAN	PERBELANJAAN
1940	1.5	1.4
1941	1.3	1.1
1947	4.4	1.8
1949	8.7	4.2

Sumber: Brunei Annual Reports 1940-1949

Berdasarkan kepada jadual di atas jelas di antara 1940 hingga 1949 Brunei mempunyai lebihan pendapatan berjumlah B\$7.4 juta. Pendapatan pula telah meningkat lapan kali ganda.<sup>18</sup> Jika diukur dari jumlah pendapatan dan kekayaan yang dimiliki, Brunei mampu untuk membangun dan menjadi sebuah negara yang maju dan moden tanpa membebankan British.<sup>19</sup> Sesuai dengan kekayaan yang ada, jika pentadbir British melaksanakan tanggungjawabnya dengan jujur untuk membantu dan melindungi Brunei sebagai sebuah negara naungan bukan jajahan, rakyat Brunei tidak akan tertinggal kebelakang dari segi pembangunan sosial dan kemajuan negeri. Penempatan British kepada kepentingan mereka mengenai politik, dasar strategi jangka panjang menyebabkan perkembangan sosial dan kemajuan pembangunannya ternyata telah diabaikan hingga Brunei jauh tertinggal ke belakang.

---

<sup>18</sup> Borneo Bulletin, 7 November, 1953, Lihat juga BAR, 1940-1949.

## JADUAL I

**Jumlah Pendapatan dan Perbelanjaan Brunei Hasil  
dari Pengeluaran Minyak 1940-1949**  
**(B\$juta)**

TAHUN	PENDAPATAN	PERBELANJAAN
1940	1.5	1.4
1941	1.3	1.1
1947	4.4	1.8
1949	8.7	4.2

Sumber: Brunei Annual Reports 1940-1949

Berdasarkan kepada jadual di atas jelas di antara 1940 hingga 1949 Brunei mempunyai lebihan pendapatan berjumlah B\$7.4 juta. Pendapatan pula telah meningkat lapan kali ganda.<sup>18</sup> Jika diukur dari jumlah pendapatan dan kekayaan yang dimiliki, Brunei mampu untuk membangun dan menjadi sebuah negara yang maju dan moden tanpa membebankan British.<sup>19</sup> Sesuai dengan kekayaan yang ada, jika pentadbir British melaksanakan tanggungjawabnya dengan jujur untuk membantu dan melindungi Brunei sebagai sebuah negara naungan bukan jajahan, rakyat Brunei tidak akan tertinggal kebelakang dari segi pembangunan sosial dan kemajuan negeri. Penempatan British kepada kepentingan mereka mengenai politik, dasar strategi jangka panjang menyebabkan perkembangan sosial dan kemajuan pembangunannya ternyata telah diabaikan hingga Brunei jauh tertinggal ke belakang.

---

<sup>18</sup> Borneo Bulletin, 7 Nobember, 1953, Lihat juga BAR, 1940-1949.

## **1.4 Rancangan-Rancangan British Untuk Brunei**

Atas alasan yang bertopengkan kononnya untuk melicinkan pentadbiran beberapa rancangan berperingkat telah disusun untuk Brunei. Yang paling penting rancangan mencantumkan pentadbiran Brunei dengan Sarawak dan seterusnya mewujudkan Persekutuan Borneo Utara.

### **1.4.1 Percantuman Pentadbiran Brunei Dengan Sarawak**

Sebelum Perang Dunia Kedua, Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei ialah Gabenor Negeri-Negeri Selat seperti yang tercatat dalam Perjanjian 1905/1906. Selepas perang tamat, Pejabat Tanah-Tanah Jajahan di London telah membuat rancangan bagi membaiki sistem pentadbiran mereka di Asia Tenggara supaya lebih berkesan. Dalam perubahan ini Gabenor Sarawak juga telah dilantik memegang jawatan Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei pula telah dipindahkan di bawah kuasa Gabenor Sarawak. Mengikut catatan dalam “*Constitutions 1948*”;<sup>20</sup>

**Now therefore We do by this Our Commission under Our Sign  
Manual and Signet appoint you, the person for the time being  
Administering the Government of Our Colony of Sarawak, to  
be, during Our pleasure, Our High Commissioner for the said  
State of Brunel...**

---

<sup>19</sup> W.A. Hanna, Sequel to Colonialism, New York: American University Field Staff. Inc., 1965, hal. 42.

<sup>20</sup> Constitutions, C.O 943/1, f.78.

Perubahan ini mula dikuatkuasakan pada 1 Mei 1948 apabila satu perjanjian ditandatangani dan telah dipersetujui oleh Sultan Brunei, Sultan Ahmad Tajuddin. Berdasarkan kepada perjanjian ini, Kerajaan Sarawak diberi tanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat dalam hal-hal pentadbiran dan bantuan teknikal kepada Kerajaan Brunei.<sup>21</sup> Dengan perjanjian ini bermulalah penghantaran pegawai-pegawai pentadbir dan teknikal dari Sarawak ke Brunei.

Tujuan perubahan ini dibuat untuk membantu Brunei memperbaiki sistem pentadbirannya yang lemah dan tertinggal ke belakang. Percantuman pentadbiran ini pada matlamatnya adalah untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Brunei terutamanya masalah ekonomi dan sosial. Perlantikan Gabenor Sarawak sebagai Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei membolehkan khidmat nasihat dan perhatian serta lawatan lebih kerap jika dibandingkan dengan keadaan sebelumnya. Menurut ucapan Gabenor Sarawak:<sup>22</sup>

...Brunei and Sarawak are tied together by geographical position and by long historical association; they have many problems and interests, economic and social, in common. When before the war the High Commissioner for Brunei was the High Commissioner and Governor living in Singapore it was impossible for him to visit Brunei as frequently as he would have wished. Now that your High Commissioner lives in Borneo in a Colony adjacent to your State, it will be possible for him to visit your state more frequently and give your affairs the personal study and attention on the spot which they demand...

---

<sup>21</sup> Letter From Colonial Office To Governor of Sarawak, C.O 943/1, f. 75-78,. Lihat juga D.S. Ranjit Singh, Brunei 1839-1983: The Problems of Political Survival, Singapore: Oxford University Press, 1984, hal. 127. Buku ini telah diulang cetak tahun 1991.

<sup>22</sup> Speech by His Excellency the Govenor of Sarawak, C.O. 943/1, f. 44-45.

Rancangan ini tidak disenangi oleh sebilangan pemimpin nasionalis dan elit Brunei yang kebanyakannya mereka terdiri dari kalangan pegawai-pegawai Melayu dan guru. Menurut satu kenyataan akhbar yang dibuat oleh Anthony Brooke pada bulan Jun 1947, ura-ura untuk mencantumkan Sarawak dengan Brunei telah melahirkan perasaan tidak senang dan curiga di kalangan rakyat Brunei terhadap British.<sup>23</sup> Pegawai-pegawai Melayu dan guru-guru yang terdiri dari Marsal bin Maun, Jamil bin Umar dan Pengiran Mohd Yusof telah membantah terhadap rancangan percantuman pentadbiran dan mengatakan perubahan ini sebagai tindakan yang tidak demokratik kerana membelakangkan rakyat.<sup>24</sup> Isu percantuman telah melanggar syarat-syarat Perjanjian 1905/1906 dalam Fasal I yang memperuntukkan bahawa British bertanggungjawab untuk menasihat Sultan dalam urusan pentadbiran dalam negeri sebagai sebuah negara naungan bukan negara jajahan.<sup>25</sup>

Sebenarnya percantuman ini telah dirancangkan lebih awal oleh Gabenor-Jeneral Malaya, Gabenor Sarawak dan Residen British ke Brunei Mr. Peel, tanpa pengetahuan Sultan.<sup>26</sup> Tetapi rancangan ini telah diketahui terlebih dahulu oleh golongan elit Melayu dan guru-guru yang akhirnya telah mengetengahkan isu ini di kalangan penduduk Brunei. Jika rancangan ini direalisasikan Brunei akan dijadikan sebagai sebuah negara yang dijajah oleh Sarawak.<sup>27</sup> Malangnya Sultan dan Majlis Negeri tidak dapat berfungsi sepenuhnya sebagai sebuah badan eksekutif kerana ahli-

---

<sup>23</sup> Sunday Times, 28 Jun 1947.

<sup>24</sup> From Governor-General Malaya to Secretary of State For Colonies, London, and Tour of Brunei to Announce Forthcoming Adminitrative Change, 16 Mac 1948, C.O. 943/1, f. 67.

<sup>25</sup> BAR, 1947, hal. 82.

<sup>26</sup> Savingram From Governor-Jeneral Malaya to Secretary of State For The Colonies, 24 Disember 1947, C.O. 943/1, f. 121.

ahlinya lemah dan kuasa pemutus adalah di tangan Residen. Sebagai contoh, semasa sebelum perang, tidak ada sebarang pendapat yang dikemukakan oleh ahlinya. Cuma Residen sahaja yang memberi pendapat seolah-olah badan tersebut sebuah badan taklimat.<sup>28</sup> Ini menunjukkan Residen adalah kerajaan.<sup>29</sup>

Sultan Ahmad Tajuddin juga tidak senang dengan isu percantuman ini. Baginda menganggap percantuman pentadbiran Brunei dengan Sarawak menjelaskan kedudukan dan kuasa Baginda apabila Brunei ditadbirkan melalui negara jajahan. Berikutan dengan isu ini Sultan Ahmad Tajuddin telah merancang untuk pergi ke London bagi membincangkan semula perjanjian 1905/1906 dan pembahagian royalti minyak untuk Brunei. Malangnya baginda telah mangkat di Singapura pada 4 Jun 1950 semasa dalam perjalanan untuk melaksanakan rancangan tersebut.<sup>30</sup>

Dengan kuat kuasa perjanjian ini ramai pegawai-pegawai dari Sarawak dihantar ke Brunei bagi mengisi jawatan-jawatan pentadbiran. Antaranya Pegawai Perhutanan, Jurutera dan Juruukur, Ketua Drafmen dan Pembantu Teknikal Kanan, Pembantu Pengawal Kedua, dan Pengawal Kastam dan Eksais.<sup>31</sup> Selain daripada jawatan tersebut jawatan-jawatan rendah seperti kerani juga telah diisi dan

---

<sup>27</sup> From Governor-General to Secretary of State, 10 Januari 1947, C.O. 943/1, f. 109.

<sup>28</sup>D.E. Brown, "Socio-Political History of Brunei", hal. 248.

<sup>29</sup> Ibid., hal. 249.

<sup>30</sup> Straits Times, 5 Jun 1950.

<sup>31</sup> BAR, 1953 hal.124; 1956, hal. 124; 1957, hal.163; 1958; hal. 29 dan 1959, hal. 121.

didatangkan dari Sarawak.<sup>32</sup> Peminjaman ini berterusan sehingga perjanjian *Brunei-Sarawak Separation Agreement* ditandatangani pada 1959.

Walaupun kerajaan British beranggapan bahawa percantuman ini merupakan satu langkah untuk membantu Brunei mencapai kemajuannya namun pada keseluruhannya amat merugikan di kalangan rakyat. Percantuman ini telah membawa masuk lebih ramai pegawai-pegawai dagang untuk memenuhi jawatan-jawatan pentadbiran. Ini memberi kesan negatif ke atas rakyat kerana mereka tidak dapat menyertai pentadbiran. Pusat-pusat latihan untuk melatih pegawai-pegawai tempatan juga tidak disediakan sementara sistem pendidikan pula terlalu lemah dan jauh tertinggal berbanding dengan yang dilaksanakan di tempat lain khususnya di Tanah Melayu.

Bantahan terhadap isu ini membimbangkan pentadbir British di Brunei. British sedar rancangan ini tidak akan berjaya tanpa sokongan dari rakyat Brunei sendiri. Untuk meredakan keadaan Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei telah mengadakan lawatan pada Mei 1948 untuk meyakinkan rakyat Brunei percantuman tersebut tidak akan mengubah status Brunei sebagai negara naungan. Dalam ucapannya semasa lawatan tersebut beliau menyatakan;<sup>33</sup>

---

<sup>32</sup> Borneo Bulletin, 3 Oktober 1959.

<sup>33</sup> Speech by His Excellency the Governor of Sarawak, C.O. 943/1, f. 43.

This is a simple administrative change and has no political implications of any kind... I know that some fears were at first felt that Brunei was to be in some way “under” Sarawak and that would it lose its independent position as a Protected State. There is no question of Brunei coming under Sarawak or Sarawak coming under Brunei, or the interests of one being sacrificed to the interests of the other....There is no change in the status of Brunei, which remains a Protected State with a High Commissioner. The State of Brunei will continue to have its own Sultan, its own constitution, its own law, its own budget, its own flag, and its own stamps.

Kenyataan tersebut dikukuhkan lagi oleh Residen Brunei, dengan mengatakan percantuman ini merupakan sebagai satu langkah untuk membantu Brunei meningkatkan mutu dan memperbaiki sistem pentadbiran dalam perkhidmatan awam dan pendidikan yang dianggap terlalu buruk.<sup>34</sup>

Masalah kemunduran dan keburukan pentadbiran cuma dijadikan alasan. Pada hakikatnya kemampuan ekonominya hasil dari kekayaan minyak adalah cukup untuk digunakan bagi memperbaiki dan mengubah nasibnya menjadi sebuah negara yang maju. Malangnya kekayaan yang dimiliki oleh Brunei tidak dapat dinikmati oleh rakyat Brunei sendiri sebagai negara pengeluar minyak kedua terbesar dalam Komanwel.<sup>35</sup> Yang jelas ialah pihak British lebih mementingkan ‘minyak’.<sup>36</sup> Dari jumlah keseluruhan pendapatan 1946-1949 cuma 50% sahaja yang digunakan untuk perbelanjaan negara. Keperluan untuk kemajuan yang lebih besar telah diabaikan.

---

<sup>34</sup> Straits Times, 9 Mac 1948.

<sup>35</sup> From Colonial Office, London to J.K. Thomson, Colonial Attaché, British Embassy, Washington, 9 September 1952, f. 9-12 dan Letter From J. Ashton Green to British Ambassador, Washington D.C, C.O. 1022/363. f.20-22.

<sup>36</sup> Letter From J. Ashton Green to British Ambassador, Washington D.C, C.O. 1022/363, f. 20-22.

Dari sudut yang lain, matlamat perubahan pentadbiran ini boleh dipandang sebagai langkah untuk meringankan beban Sarawak. Kerosakan yang dialami oleh Sarawak akibat Perang Dunia Kedua memerlukan perbelanjaan yang besar untuk membangun semula. Ini telah menjadi tanggungjawab kepada kerajaan British kerana wilayah tersebut telah diserahkan oleh keluarga Brooke kepada British pada 1 Julai 1946.<sup>37</sup> Penyerahan ini merupakan satu lagi bebanan yang perlu ditanggung oleh Pejabat Tanah Jajahan kerana memerlukan perbelanjaan sebanyak \$29 juta.<sup>38</sup> Pada masa yang sama Kerajaan British juga menghadapi masalah kewangan akibat hutang luar negara berjumlah 3500 juta pound sterling kepada Amerika.<sup>39</sup> Dengan percantuman yang dinyatakan di atas Brunei dapat dimanfaatkan untuk meringankan beban tersebut walaupun tidak dinyatakan dengan jelas. Dalam catatan Ashton, seorang pegawai kedutaan Amerika di Singapura kepada Sir Gerald Whiteley bertarikh 17 Disember 1948 yang menyebutkan bahawa potensi pengeluaran minyak Brunei boleh menyelamatkan British.<sup>40</sup> Ini menampakkan yang pandangan tersebut di atas sejajar.

Tindakan menjadikan Gabenor Sarawak sebagai Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei merupakan satu langkah awal British bagi mencapai cita-cita untuk menguasai keseluruhan bagi mendapatkan keseluruhan pentadbiran ketiga-tiga wilayah Borneo dengan cita-cita untuk membina satu empayar yang lebih besar

---

<sup>37</sup> J. P. Ongkili, Nation Building in Malaysia, Singapore: Oxford University Press, 1985, hal. 141.

<sup>38</sup> Letter From J. Ashton Green to British Ambassador, Washington D.C, C.O. 1022/363, f. 5.

<sup>39</sup> A.M. Peter and A.J. Stockwell, British Imperial Policy and Decolonization, 1938-64, Vol. 1, 1938-1951, London: The Mac Millan Press, Ltd., 1987, hal. 46.

<sup>40</sup> Letter from J. Ashton Green to British Ambassador Washington D.C, C.O. 1022/363, f. 25-26.

menerusi penggabungan dengan Persekutuan Tanah Melayu. Langkah ini juga merupakan sebagai '*gradual approach*' untuk mengekalkan empayarnya.

#### 1.4.2 Persekutuan Borneo Utara

Dari beberapa rancangan yang telah dibuat untuk wilayah-wilayah Borneo selepas perang pihak British cenderung untuk melakukan dua perkara. Pertama idea penyatuan dan kedua memberi kemerdekaan. Kerajaan British berpendapat ketiga-tiga wilayah belum bersedia untuk memikul tanggungjawab sendiri disebabkan oleh politik yang kurang matang. Oleh itu perlu diberi bimbingan dalam masa yang panjang terutama Brunei. Langkah yang dianggap wajar ialah dengan mencantumkan ketiga-tiga wilayah ini menjadi sebuah persekutuan sebelum diberi tanggungjawab untuk berkerajaan sendiri.<sup>41</sup>

Pihak British cukup yakin rancangan ini akan dapat direalisasikan berdasarkan kepada latar belakang politik yang belum matang dan gerakan politik yang sederhana di kalangan pemimpin dan rakyat di ketiga-tiga wilayah British Borneo. British juga tidak bimbang akan wujudnya penentangan seperti yang berlaku di Burma yang memaksa British menghadapi ancaman dari tentera-tentera pejuang Burma hingga membebankan kerajaan British.<sup>42</sup>

---

<sup>41</sup> From The Secretary of State For Colonies to North Borneo and Sarawak, 27 Disember 1958, C.O. 1030/659, f.89.

Percantuman pentadbiran antara Brunei dan Sarawak pada 1948, telah memberi keyakinan kepada British untuk maju setapak lagi dalam mencapai cita-cita penyatuan. D.S. Ranjit Singh, melihat dengan mewujudkan jawatan Pesuruhjaya Awam untuk Asia Tenggara dan menjadikan Gabenor Jeneral Sarawak sebagai Pesuruhjaya Tinggi bagi Brunei merupakan langkah awal untuk menguasai keseluruhan pentadbiran. Ini membolehkan British membawa wilayah-wilayah tersebut ke satu pergabungan dengan Malaya.<sup>43</sup> Dengan langkah ini sebuah dominian British dapat diwujudkan yang akhirnya akan membentuk sebuah empayar yang besar di Timur demi untuk mengembalikan semula imej mereka di mata dunia.

Idea penyatuan ini bukanlah sesuatu yang baru, sebaliknya telah dirancang lebih awal oleh Sir Cecil Clementi, Gabenor Negeri-Negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Brunei pada 1931. Akan tetapi rancangan ini gagal dilaksanakan kerana masalah perbezaan sistem pentadbiran dan politik di antara wilayah-wilayah tersebut.<sup>44</sup>

Cadangan untuk menujuhkan sebuah dominion semakin jelas pada 1943 semasa pendudukan Jepun apabila rancangan dibuat untuk menyatukan Tanah Melayu, Singapura dan ketiga-tiga wilayah Borneo di bawah satu kesatuan politik. Dengan penyatuan ini diharap akan wujudlah sebuah dominian yang lebih besar. Sebelum perang, wilayah-wilayah ini dibahagikan kepada beberapa unit politik iaitu Negeri-

---

<sup>42</sup> Richard Butwell, Southeast Asia, Problems of Political Development, New York: Praeger Publisher, 1969, hal. 31-33.

<sup>43</sup> Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 127.

<sup>44</sup> N. Tarling, "Sir Cecil Clementi and The Federation of British Borneo", JMBRAS, Vol. 44, No. 2, 1971.

Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu, Negeri-Negeri Selat, North Borneo, Sarawak dan Brunei. Selepas Perang Dunia Kedua, rancangan untuk menggabungkan unit-unit politik tersebut di bawah satu dominian cuba direalisasikan. Akan tetapi malangnya tidak dapat dilaksanakan kerana jalinan perhubungan dan komersil di antara wilayah-wilayah tersebut dengan Tanah Melayu dan Singapura agak renggang<sup>45</sup>. Kedudukan Singapura yang strategik mempunyai potensi perdagangan sebagai pelabuhan bebas, bantahan orang-orang Melayu terhadap rancangan Malayan Union 1946 yang membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah memberi kesan negatif ke atas rancangan mewujudkan dan merealisasikan penggabungan tersebut.

Bagaimanapun kegagalan ini tidak melunturkan cita-cita tersebut; sebaliknya British terus berusaha untuk merealisasikan cadangan ini secara berperingkat-peringkat.<sup>46</sup> Malcolm MacDonald telah mencadangkan supaya pencapaian cita-cita menggabungkan kelima wilayah iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, North Borneo, Sarawak dan Brunei dibuat dalam dua peringkat. Pertama, mencantumkan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu sebagai satu entiti dan ketiga-tiga wilayah Borneo sebagai satu entiti yang berasingan. Kedua, mencatumkan kedua entiti tersebut di bawah satu kerajaan berperlembagaan yang sesuai.<sup>47</sup>

---

<sup>45</sup> D.S. Ranjit Singh, “British Proposals For A Dominions of Southeast Asia, 1943-1957”, Kertas Kerja yang dibentengkan dalam The Thirteenth Conference International Association of Historians of Asia, Sophia University, Tokyo, Japan, 5-9 September 1994, hal. 6.

<sup>46</sup> Ibid., hal. 3-4.

<sup>47</sup> Office of the Commissioner General for the United Kingdom in South East Asia, Singapore, 2 April 1955, Despatch No. 3, C.O. 1030/163, f. 6-7.

Cadangan ini telah mendapat sambutan dan perhatian di kalangan pemimpin-pemimpin politik di Tanah Malaya dan Singapura<sup>48</sup> yang pengalaman dan kematangan politik mereka lebih maju jika dibandingkan dengan di ketiga-tiga wilayah British Borneo serta menyedari bahawa perbezaan tahap kematangan ini tidak memungkinkan keseragaman akan dapat diwujudkan. Jadi penubuhan entiti politik yang berasingan sebelum digabungkan menjadi unit politik yang besar merupakan strategi yang paling sesuai dengan situasi semasa.<sup>49</sup>

Pada Januari 1949, Rancangan kerjasama rapat yang melibatkan di ketiga-tiga wilayah mula dibincangkan di *Commissioner General's and Governor's Conference* 1949 dan rancangan ini telah dipersetujui.<sup>50</sup> Sebelum pelaksanaannya persediaan rapi perlu dibuat dengan menyediakan rancangan-rancangan yang sesuai dan ketiga-tiga kerajaan hendaklah sentiasa mengambil perhatian dari semasa ke semasa supaya cita-cita tersebut terlaksana. Pada awal 1953, Malcolm Mac Donald dengan mendapat sokongan dari Sir Anthony Abell, Gabenor Sarawak telah mengemukakan satu proposal dan membentuk sebuah badan penyelaras yang dikenali sebagai Persidangan Sarawak-Borneo Utara dan Brunei. Pertemuan pertama persidangan tersebut diadakan pada 23 April 1953 di Kuching<sup>51</sup> dengan dipengerusikan oleh beliau sendiri dan dihadiri oleh Sultan Brunei, Sir Anthony Abell, Gobenor Sarawak, Sir Ralph

---

<sup>48</sup> From Singapore to Colonial Office, Closer Association Between The Borneo Territories, 10 Jun 1952, C.O. 1022/63, f. 3-4.

<sup>49</sup> Office of the Commissioner General for United Kingdom in South East Asia, despatch No .3, C.O. 1030/163, f. 4.

<sup>50</sup> Political Association Between The Three Borneo Territories in Commissioner General's, Secret Despatch, No. 1, 4 Februari 1955., C.O. 1030/164, f. 64.

Home, Gabenor Borneo Utara dan tiga orang wakil dari setiap wilayah berkenaan. Menurut rancangan perjumpaan sedemikian akan terus diadakan secara bergilir-gilir dari semasa ke semasa di setiap negeri.<sup>52</sup> Dalam perjumpaan ini satu ketetapan telah diambil iaitu;<sup>53</sup>

**to promote closer co-ordination and co-operation between the three territories in all matters of common concern... to promote co-ordination of policy and administration between the three territories**

Rancangan ini tidak mendapat sambutan dari Sultan Brunei kerana baginda tidak berminat untuk menggabungkan Brunei dengan mana-mana wilayah sekalipun<sup>54</sup>. Persidangan yang dihadiri oleh baginda bukanlah untuk membentuk persekutuan tetapi untuk merapatkan kerjasama dengan negara jiran. Kenyataan ini dibuat kerana adanya dakwaan bahawa Brunei, Sarawak dan Borneo Utara akan disatukan di bawah satu persekutuan.<sup>55</sup> Kenyataan ini dikuatkan lagi menerusi satu perutusan dari Sultan yang dibacakan oleh Duli Pengiran Pemancha, selaku Manteri Kedua baginda pada 1956 yang berbunyi;<sup>56</sup>

---

<sup>51</sup> B. Simandjuntak, Federalisme Tanah Melayu, 1945-1963: Satu Kajian Mengenai Masalah-Masalah Persekutuan Di Dalam Masyarakat Majmuk, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd., 1986, hal. 135.

<sup>52</sup> Closer Association Between The Borneo Territories, C.O. 1022/63, f. 3. Lihat juga Simandjuntak, Federalisme Tanah Melayu, 1945-1963, hal. 135.

<sup>53</sup> Closer Association Between The Borneo Territories, C.O. 1022/63, f. 4., Lihat juga Brief for Minister of State, The Borneo Territories-Closer Association Part I, 1946-1955, C.O. 1030/164, f. 64. Lihat juga Ranjit Singh, Brunei 1839-1983, hal. 128.

<sup>54</sup> The Sarawak Tribune, 16 Mac 1956.

<sup>55</sup> The Sunday Mail, 18 Mei 1953.

<sup>56</sup> Political Association Between the Three Borneo Territories, C.O. 1030/164, f. 73. Lihat juga Borneo Bulletin, 10 Mac 1956.

**His Highness commands me to say that neither he nor his government have ever contemplated or wished, to unite or federate the State of Brunei with any other state.**

Reaksi Sultan Brunei terhadap idea ini memang telah diduga. Ini disebabkan oleh keraguan dan prasangka terhadap status negaranya sebagai sebuah negara yang separa merdeka. Baginda tidak mahu untuk berkongsi kekayaannya dengan Sarawak dan Borneo Utara.<sup>57</sup> Penolakan ini telah menjadi masalah besar bagi British untuk meneruskan cita-cita mereka. Menurut Colonial Office di London, "*There can be no Borneo Federation without Brunei*".<sup>58</sup>

Memandangkan kepada pertumbuhan kesedaran politik di kalangan rakyat Brunei dan usaha Sultan Omar Ali Saifuddien III mendapatkan sebuah perlembagaan bertulis bagi Brunei, British sedar rancangan ini tidak akan mendapat kerjasama dari Sultan Omar Ali Saifuddien III. Tindakan yang agresif tidak dapat mengubah pendirian baginda dan mungkin akan menimbulkan prasangka di hati baginda yang boleh menghalang perjalanan perundingan bagi menentukan masa depan Brunei.

Pihak British cuba membuat tolak ansur dengan Sultan Omar Ali Saifuddien III dengan mengemukakan beberapa cadangan dengan harapan akan dapat mengubah pendirian baginda mengenai idea ini. Antara cadangan yang dibuat ialah pertama Brunei akan terus di bawah pentadbiran Setiausaha Negara. Kedua, Gabenor Sarawak akan bertugas menjadi Pesuruhjaya dan Residen British akan terus menjalankan tugas yang sedia ada tetapi akan menerima arahan dari Setiausaha Negara. Ketiga, ketua-

---

<sup>57</sup> Ibid., C.O. 1030/164, f. 46.

<sup>58</sup> Ibid., f. 73.

ketua jabatan dari Sarawak yang dipinjamkan bolehlah menyambung tugas-tugas mereka untuk menasihat Sultan. Keempat, perjanjian antara Brunei dengan Kerajaan British yang sedia ada perlu dikaji semula. Kelima, pulau Labuan akan dipindahkan di bawah pentadbiran Brunei. Keenam, “*Inter-Territorial Conference*” yang sedia ada hendaklah dibaiki dengan mengadakan “*Standing Joint Council with executive power*”.<sup>59</sup>

Pada 7 Februari 1958, Gabenor Sarawak, Sir Anthnoy Abell dan Gabenor Borneo Utara, Sir Roland Turnbull telah mengumumkan secara rasmi melalui radio masing-masing supaya ketiga-tiga wilayah bersatu dan bersekutu dalam satu bentuk perkongsian atau perserikatan yang akan dikenali sebagai Persekutuan Borneo Utara.<sup>60</sup> Sebelum ini Sir Anthony Abell dalam ucapannya sempena menyambut tahun baru melalui radio Brunei telah menyatakan bahawa Brunei mempunyai peranan yang besar dalam mewujudkan persekutuan ini.<sup>61</sup> Kedua-dua gabenor tersebut telah menjelaskan dengan panjang lebar mengenai bentuk persekutuan ini dan dengan secara rasmi menyeru supaya ketiga-tiga wilayah bersatu dan bersekutu supaya menjadi lebih besar, lebih kuat dan berpengaruh.

Persekutuan Borneo Utara yang dicadangkan merupakan satu bentuk perkongsian. Kuasa Pusat (Central Authority) akan dibentuk untuk menentukan syarat-syarat perkongsian adalah dipatuhi dan pencapaian objektif utamanya sentiasa difikirkan, “*to see that the rules of the partnership were observed and that its main*

---

<sup>59</sup> Onwards Recent Developments, Part II, 1955, C.O. 1030/164. f. 65.

<sup>60</sup> Berita Brunei, 13 Februari 1958.

*objective was always kept in the mind*".<sup>62</sup> Kuasa Pusat juga bertanggungjawab dalam soal pengurusan hal-hal yang bersangkut paut dengan pertahanan dan perhubungan luar negeri, keselamatan dalam negeri, komunikasi, penerangan awam, kaji cuaca, pos dan telekom. Jika dapat kepercayaan, keyakinan dan kemajuan ia akan diperbesarkan lagi hingga meliputi bidang perdagangan, kastam, bank, kewangan, penyelidikan, perkhidmatan kepakaran dan perubatan, pelajaran serta pertanian.<sup>63</sup>

Ketiga-tiga kerajaan diberi kuasa otonomi dalam mengutip hasil dan mengurus perbelanjaan masing-masing. Tindakan ini dibuat mungkin untuk menghindarkan prasangka Sultan Brunei yang sensitif dan tidak rela untuk berkongsi kekayaan atau mengagihkan sebahagiannya kepada Sarawak dan Borneo Utara. Satu jawatan yang bertaraf Gabenor Jeneral, Gabenor atau Pesuruhjaya Tinggi akan dibentuk sebagai wakil tunggal kerajaan British di ketiga-tiga wilayah iaitu Brunei, Borneo Utara dan Sarawak. Beliau juga berperanan sebagai Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei.<sup>64</sup> Untuk melicinkan perjalanan pentadbiran supaya lebih berkesan seorang penasihat sebagai wakil baginda Queen bagi Kuasa Pusat (Central Authority) akan dilantik. Salah seorang dari ahli Majlis Mesyuarat Undangan atau Majlis Kerajaan di ketiga-tiga wilayah akan dipilih. Beliau bertugas untuk melawat dan memberikan khidmat nasihat kepada ketiga-tiga wilayah tersebut. Gabenor Jeneral, Gabenor atau Pesuruhjaya Tinggi ini dari semasa ke semasa akan menjadi pengurus mesyuarat Majlis Tertinggi di Kuching dan Majlis Eksekutif di Jesselton tetapi beliau tidak

---

<sup>61</sup> Berita Brunei, 2 Januari 1958.

<sup>62</sup> The Sarawak Gazette, 28 Februari 1958.

<sup>63</sup> Berita Brunei, 13 Februari 1958.

<sup>64</sup> Berita Brunei, 13 Februari 1958.

akan menduduki kedua majlis tersebut. Di bawahnya akan dilantik Leftenan Gabenor yang akan dilantik daripada Sarawak dan Borneo Utara.<sup>65</sup> Sultan Brunei pula diberi kuasa untuk menetapkan tugas-tugas yang akan diberi kepada Gabenor General yang dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi di Brunei.<sup>66</sup> Jadinya cadangan ini mempunyai dua tujuan. Pertama, untuk membentuk satu unit politik yang “*viable*” yang boleh merintis jalan ke arah kemerdekaan.<sup>67</sup> Kedua, dapat mewujudkan sebuah unit politik lebih besar, berkuasa dan berpengaruh tanpa menggugat ciri-ciri tradisional yang dibanggakan oleh ketiga-tiga wilayah tersebut.<sup>68</sup>

Bagi British persekutuan ini dipandang penting kerana dapat memenuhi cita-cita untuk melahirkan unit politik, mengurangkan perbezaan yang ketara antara wilayah-wilayah dalam polisi, struktur perlembagaan, ekonomi dan pembangunan sosial.<sup>69</sup> Dari segi keselamatan juga penting kerana negeri kecil dan lemah setentunya mudah menerima ancaman dan sentiasa menghadapi masalah keselamatan. Perkara ini telah dijelaskan oleh Sir Anthony Abell;<sup>70</sup>

**Every step towards closer association; every move which enables the three territories to turn a united front to the outside world will greatly strengthen our security and the constitution of the way of life to which we have become accustomed.**

---

<sup>65</sup> Simandjuntak, Federalisme Tanah Melayu 1945-1963; hal. 137.

<sup>66</sup> Straits Times, 18 Februari 1958.

<sup>67</sup> Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 139

<sup>68</sup> Berita Brunei, 13 Februari 1958.

<sup>69</sup> J.R. Angel, “The Proposed Federation of Sarawak, North Borneo and Brunei; The Development and Decline of the British Concept”, M.A. Thesis, University of Sydney, Australia, 1963, hal. 29.

<sup>70</sup> Borneo Bulletin, 8 Februari 1953.

Secara tidak langsung persekutuan ini juga akan memberi faedah ekonomi serta menghapuskan halangan-halangan perdagangan di antara negara-negara ahli apabila pasaran yang lebih besar dapat diwujudkan. Secara tepatnya akan dapat membantu meningkatkan taraf hidup penduduk-penduduk di dalam Persekutuan.<sup>71</sup>

Namun demikian semua langkah yang telah diambil baik mahu mengubah status Brunei, memberi kuasa otonomi mahupun memujuk sultan dengan memberi pujian-pujian<sup>72</sup> supaya menyertai persekutuan ini, tidak dapat mengubah pendirian Sultan Brunei. Baginda tidak rela untuk menyatukan negeri Brunei dengan mana-mana wilayah; sebaliknya mahukan rakyatnya terus memelihara kemerdekaan negara ini. Baginda bertitah, "*Peliharalah dia (Kemerdekaan Negeri Brunei) dengan sabar dan tabah semoga... Brunei akan bertambah-tambah maju dan aman*".<sup>73</sup>

Baginda sendiri telah mengaku secara rasmi yang baginda tidak tahu menahu tentang adanya rancangan untuk menyatukan Brunei dengan mana-mana wilayah. Mengikut baginda;<sup>74</sup>

**Secara rasminya saya tidak kesah [sic] tentang negeri Brunei hendak dipersekutukan dengan negeri-negeri lain... dan oleh kerana itu saya tidak dapat memberikan fikiran saya terhadap soal ini.**

<sup>71</sup> Berita Brunei, 13 Februari 1958.

<sup>72</sup>, Letter to His Highness the Sultan of Brunei Sir Omar Ali Saifuddin Wasa'dul Khairi Waddin, 20 Disember 1958, C.O. 1030/608, f. 59-61. Lihat juga Berita Brunei, 13 Februari 1958.

<sup>73</sup> Berita Brunei, 1 Mei 1958.

<sup>74</sup> Utusan Sarawak, 28 Oktober 1958.

Hal ini bertentangan dengan kenyataan yang dibuat oleh Sir Roland Turnbull, Gabenor Borneo Utara dan Sir Anthnoy Abell, Gabenor Sarawak selaku Pesuruhjaya Tinggi bagi Brunei bahawa rancangan tersebut telah diterangkan dengan jelas kepada sultan Brunei.<sup>75</sup> Baginda juga menjelaskan bahawa rakyat Brunei melihat cadangan tersebut sebagai satu langkah untuk menggagalkan usaha atau melambat-lambatkan berhasilnya apa yang sedang diperjuangkan oleh sultan sejak 1953 untuk mempunyai sebuah perlembagaan. Selain daripada itu, ia juga dilihat sebagai satu cara untuk mengagih-agihkan kekayaan Brunei kepada kedua-dua wilayah tersebut yang dianggap mundur.<sup>76</sup>

Sultan Brunei pernah menjelaskan bahawa kerajaan baginda tidak terikat sama ada untuk menyertai persekutuan tersebut atau tidak, kerana baginda menjelaskan bahawa tidak ada sebarang perjanjian dibuat<sup>77</sup>. Penyertaan hanya berdasarkan persetujuan bersama di antara ketiga wilayah tersebut. Baginda juga menjelaskan bahawa satu-satu usul yang telah dikemukakan dalam persekutuan hanya akan diterima setelah mendapat persetujuan masing-masing.<sup>78</sup> Keputusan Brunei semakin jelas apabila Majlis Mesyuarat Negeri telah menolak sebarang usaha mana-mana pihak untuk menyatukan Brunei dengan mana-mana wilayah. Kerajaan Brunei juga tidak

---

<sup>75</sup> The Sarawak Tribune, 12 Februari 1958.

<sup>76</sup> Temu bual Sultan Brunei dengan salah seorang wakil akhbar William Fish, yang dipetik oleh Sarawak Tribune, 21 Oktober 1958.

<sup>77</sup> Titah Sultan Omar Ali Saifuddien III melalui radio sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri 1958. Lihat Pelita Brunei, 23 Januari 1958.

<sup>78</sup> The Sarawak Tribune, 28 April 1958.

akan meminta pendapat rakyat mengenai rancangan penyatuan seperti yang dibuat di Sarawak dan Borneo Utara.<sup>79</sup>

Ada beberapa faktor penting yang mempengaruhi keputusan ini: pertama faktor politik, kedua ekonomi dan ketiga sosial. Faktor politik berpunca dari wujudnya prasangka yang berkaitan dengan status dan identiti. Brunei takut akan kehilangan kedaulatannya kerana ia bukan sebuah negara jajahan takluk atau koloni tetapi sebuah negara Melayu yang diperintah oleh Sultan yang hanya bernaung di bawah Kerajaan British tidak seperti Sarawak dan Borneo Utara keduanya adalah negara koloni.<sup>80</sup> Pada tanggapan Brunei penubuhan persekutuan ini merupakan satu cara atau polisi untuk mengembangkan semula pengaruh imperialis British. Persekutuan itu nanti akan menjadikan British sebuah empayar yang besar.<sup>81</sup> Tidak hairanlah jika hal ini mempengaruhi perkembangan politik di Brunei iaitu menjadi pencetus gerakan nasionalisme untuk menuntut kemerdekaan.

Pada masa yang sama Sultan Brunei berusaha supaya digubal sebuah perlembagaan negeri kerana baginda beranggapan pelaksanaan Persekutuan Borneo adalah untuk mengukuh dan memperluas semula pengaruh penjajahan politik dan ekonomi wilayah-wilayah berkenaan. Brunei kaya dengan hasil minyaknya, Borneo Utara dan Sarawak bergantung kepada perusahaan hutan dan pertanian. Ini bermakna persekutuan itu akan membolehkan kerajaan British mempunyaikekayaan bagi bahan

---

<sup>79</sup> Borneo Bulletin, 15 Februari 1958, Utusan Sarawak, 23 Oktober 1958 dan juga komen Sir Roland Turnbull dengan mengatakan rasa kecewa yang rancangan tersebut tidak mendapat perhatian dari Brunei.

<sup>80</sup> Berita Brunei, 13 Februari 1958

<sup>81</sup> Ibid.

mentah yang terbesar. Dari sudut sosial pula, percantuman ini akan melahirkan jumlah penduduk yang besar. Sarawak mempunyai penduduk 700 ribu orang, Borneo Utara 400 ribu sementara Brunei cuma 60 ribu orang sahaja. Jika dilihat dari jumlah tersebut seolah-olah kedudukan Brunei tidak bermakna.<sup>82</sup> Yang sangat membimbangkan ialah kemungkinan kekayaan yang dimiliki oleh Brunei dikhuatiri akan dibolot oleh kedua wilayah tersebut. Apa lagi kekayaan yang dimiliki antara wilayah-wilayah amat berbeza (lihat Jadual II) di mana Brunei ternyata menjadi wilayah yang paling kaya.

**JADUAL II**  
**Jumlah Pendapatan Brunei, Borneo Utara dan**  
**Sarawak 1947-1958 (B\$)**

TAHUN	BRUNEI	N.BORNEO	SARAWAK
1947	4,389,974.	7,171,068	12,979,213
1950	17,302,869.	17,718,590	30,170,616
1951	69,390,750.	26,180,522	47,349,365
1952	75,652,620	26,595,270	54,266,099
1954	89,893,500	32,893,764	-
1955	-	29,500.00	-
1957	130,954,281	35,200.00	52,163,906
1958	-	37,700.00	60,030,159

Sumber: An Economic Survey of the Colonial Territories 1955, London: Her Majesty Stationary Office, 1955.

---

<sup>82</sup> Ibid.

Selain dari itu tidak terdapat sebarang jaminan yang status Brunei<sup>83</sup> akan kekal mengatasi dua wilayah yang lain kerana kerajaan British tidak akan melucutkan tanggungjawabnya ke atas wilayah-wilayah tersebut.<sup>84</sup> Dengan rancangan ini Sultan Brunei melihat Persekutuan Borneo Utara yang dicadangkan itu hanya sebagai satu helah untuk melambat-lambatkan dan tercapainya dengan cita-cita menamatkan Sistem Residen dan seterusnya membawa Brunei ke arah berkerajaan sendiri.<sup>85</sup>

British bertekad bahawa rancangan yang telah dicadangkan pada 1943 untuk membentuk '*new dominions*'<sup>86</sup> perlu diteruskan kerana telah mendapat perhatian dan sokongan di kalangan pemimpin British. Sir Robert Scott, Pesuruhjaya Umum United Kingdom di Asia Tenggara mengatakan bahawa ini adalah satu cara untuk meningkatkan taraf dan kedudukan wilayah tersebut dan untuk membantu meningkatkan mutu pentadbiran.<sup>87</sup> Earl of Perth, Menteri Negara bagi Hal Ehwal Tanah Jajahan mengatakan yang Persekutuan Borneo Utara akan memberi faedah yang besar kepada ketiga-tiga wilayah yang menyertainya.<sup>88</sup> Persekutuan ini nanti akan menghasilkan kedudukan yang teguh dan kuat. Program pembangunan dapat dijalankan dengan meluas. Kerana itu beliau menggesa ketiga-tiga wilayah berusaha untuk menjayakan rancangan ini.<sup>89</sup> Sir Hilary Blood, bekas Gabenor Gambia,

---

<sup>83</sup> Ibid.

<sup>84</sup> Berita Brunei, 1 Mei 1958.

<sup>85</sup> Ranjit Singh, Brunei 1839-1983; hal. 128

<sup>86</sup> N. Tarling, The Fall of Imperial Britain in South-East Asia, Singapore: Oxford University Press, 1993, hal. 157.

<sup>87</sup> The Sarawak Tribune, 17 Februari 1958.

<sup>88</sup> Borneo Bulletin, 19 Mac 1960.

<sup>89</sup> Borneo Bulletin, 14 September 1957.

Barbados dan Mauritius mengharap kejayaan yang dicapai dalam kes Persekutuan Fiji dengan New Zealand atau Zanzibar dengan negara Afrika Timur akan dapat dilaksanakan di wilayah-wilayah Borneo<sup>90</sup>. Sungguhpun begitu pihak British tidak pula memaksa rakyat untuk mempersetujui rancangan ini. Rakyat boleh memilih untuk menerima atau menolak. Kenyataan ini pernah ditegaskan oleh Sir Robert Scott yang dipetik daripada akhbar Sarawak Tribune menjelaskan, "*The British Government has never and never will force any particular pattern on the people...*"<sup>91</sup> Di London, Sir Allen Lennox-Boyd, Setiausaha Negara bagi Tanah-Tanah Jajahan telah menjelaskan bahawa pendirian Kerajaan British tidak akan membuat keputusan tanpa persetujuan dan kehendak rakyat di wilayah-wilayah ini.<sup>92</sup>

Penduduk-penduduk Cina dan juga *Brunei Chamber of Commerce* yang diketuai oleh pengurusnya G.H. Caoutherly, menyokong idea ini. Mereka menganggap kewujudaan persekutuan ini nanti akan dapat menjaga kestabilan politik dan membuka peluang perniagaan yang lebih besar serta kemudahan-kemudahan imigresen. Persekutuan ini juga akan dapat memberikan kebebasan dan keselamatan mereka.<sup>93</sup> Demikian juga Parti Rakyat Brunei yang dipimpin oleh A.M. Azahari menyokong idea penyatuan ini kerana selari dengan cita-cita, matlamat dan perjuangan partinya yang mahu mengembalikan kegemilangan sejarah dan seterusnya boleh membawa kepada kemerdekaan. Namun demikian PRB mahukan percantuman

---

<sup>90</sup> Berita Brunei, 13 Mac 1958.

<sup>91</sup> The Sarawak Tribune, 9 April 1958. Lihat juga Borneo Bulletin, 5 April 1958.

<sup>92</sup> Borneo Bulletin, 17 Februari 1958.

<sup>93</sup> Borneo Bulletin, 25 Mei 1958.

mengikut jalannya sendiri yang diilhamkan oleh rakyat tempatan bukan dari idea British.<sup>94</sup>

Kesudahannya kerajaan Brunei telah menolak. Ini dijelaskan oleh Sir Roland Turnbull di dalam Sidang Belanjawan Majlis Legislatif Borneo Utara. Beliau mengumumkan bahawa buat masa ini Brunei tidak berhasrat untuk bekerjasama dengan Sarawak dan Borneo Utara.<sup>95</sup> Beliau rasa kecewa dengan keputusan Brunei kerana penolakan ini telah menghancurkan kegairahan dan harapan Sabah dan Sarawak untuk mendapatkan sokongan kewangan daripada Brunei dengan mudah.

Kegagalan terwujudnya Persekutuan ini mempunyai kaitan dengan kebimbangan orang-orang Melayu terhadap orang Cina. Berdasarkan kepada catatan 1946 di Brunei, dari jumlah 56 ribu orang penduduk lebih kurang 12 ribu adalah orang Cina. Di Borneo Utara dari jumlah 377 ribu orang penduduk, 89 ribu orang daripadanya adalah orang-orang Cina sementara di Sarawak pula dari 613 ribu orang, 180 ribu orang ialah Cina.<sup>96</sup> Ini menimbulkan kebimbangan yang masa depan kerajaan dan polisi mungkin akan didominasi oleh orang-orang Cina. Kenyataan ini ada asasnya kerana orang-orang Cina telah memonopoli bidang ekonomi di wilayah-wilayah tersebut. Jika mereka ini digabungkan mereka akan menjadi satu golongan minoriti yang lebih besar. Kerajaan Borneo Utara mengamalkan dasar buka pintu kepada orang-orang Cina dari Hong Kong.<sup>97</sup> Jika ini terjadi jumlah penduduk Melayu

---

<sup>94</sup> Berita Brunei, 27 Februari 1958 dan Borneo Bulletin, 28 Januari 1958.

<sup>95</sup> Borneo Bulletin, 6 Disember 1958.

<sup>96</sup> Brief for Minister of State, C.O. 1030/164, f. 62.

<sup>97</sup> North Borneo and Sabah Times, 10 Oktober 1958.

di Brunei akan tenggelam, dan mungkin sistem pemerintahan kesultanan Melayu akan tergugat atau mungkin akan lenyap sama sekali.

Pendudukan Jepun mencetuskan pergerakan politik dan membangkitkan perasaan nasionalistik di Brunei. Rancangan Persekutuan Borneo Utara yang dirancangkan sejak 1953 dan secara rasmi dibuat pada 1958 telah mempercepatkan aktiviti politik. Kepakuan Sultan Omar Ali Saifuddien III yang menaiki takhta pada 6 Jun 1950 terhadap tindak tanduk British suasana politik di Asia Tenggara. dan kelembapan kemajuan Brunei di bawah pemerintahan Residen yang membawa Brunei jauh tertinggal di belakang dengan negara-negara lain terutama negara jirannya telah mendorong baginda memulakan rancangan untuk membawa Brunei ke arah berkerajaan sendiri dan secara perlahan-lahan menghayati amalan demokrasi. Pada hemat baginda langkah ini baik daripada pemerintahan Residen. Maka pada Mei 1953 baginda pun mengumumkan keinginan untuk mempunyai sebuah perlumbagaan bertulis bagi negeri Brunei. Pengisytiharan ini telah memulakan satu era baru dalam sejarah perkembangan politik di Brunei.

## 1.5 Perkembangan Ekonomi

Sejak Brunei mula di bawah pentadbiran Residen 1906 sehingga sejak meletusnya Perang Dunia Pertama, Brunei merupakan sebuah negara yang miskin. Pekerjaan penduduk adalah menjadi nelayan dan petani. Pengeluarannya pula adalah arang batu, sagu, jelutung dan sedikit getah.<sup>98</sup> Pembangunan sosial tidak dapat

---

<sup>98</sup> The Economy and Development of the State of Brunei, C. O. 1030/300, f. 4.

dilaksanakan kerana perbelanjaan lebih besar dari hasil pendapatan (lihat Jadual III).

Jika dilihat kepada jumlah pendapatan dan perbelanjaan Brunei menunjukkan *deficit*.

Contohnya pada 1906 jumlah pendapatan cuma \$28.1 ribu sedangkan jumlah perbelanjaan pula adalah \$182.4 ribu. Walaupun tahun-tahun berikutnya hasil pendapatan negara meningkat tetapi masih tidak dapat menampung perbelanjaan pentadbiran. Pada 1909 hasil pendapatan berjumlah \$54,562 sementara perbelanjaan pula berjumlah \$76,948. Menjelang 1919-1929, ekonomi Brunei mula meningkat apabila hasil pendapatan lebih besar daripada perbelanjaan walaupun imbangannya agak kecil.

**JADUAL III**  
**Pendapatan dan Perbelanjaan Kerajaan, 1906-1929 (B\$)**

TAHUN	HASIL	PERBELANJAAN
1906	28,173	182,431
1907	51,777	93,334
1908	43,539	84,799
1909*	54,562	76,799
1919*	162,020	138,844
1929*	345,290	344,082

Sumber: Brunei Annual Reports 1906-1929 dan

\*The Economy and Development of the State of Brunei, C.O. 1030/300.

Untuk membiayai perbelanjaan pentadbiran ke arah meningkatkan taraf sosial Brunei terpaksa meminjam dengan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat<sup>99</sup>. Sesuai dengan keadaan ekonominya masa itu pihak British hanya menempatkan seramai lebih kurang tujuh orang pegawai bagi menjalankan pentadbiran negeri. Kekurangan pegawai dan keadaan miskin ini telah melambatkan

---

<sup>99</sup> BAR, 1906, hal. 5.

perkembangan serta menjadi halangan untuk membaiki dan meningkatkan taraf sosial rakyat.

### 1.5.1 Penemuan Telaga Minyak

Penemuan sumber minyak pada 1929 di Seria, telah menyelamatkan Brunei terus dilanda kemiskinan. Usaha pengalian minyak di Brunei telah dilakukan sejak 1899 di Ayer Berkunci berdekatan dengan Bandar Brunei yang sekarang dikenali sebagai Bandar Seri Begawan. Usaha tersebut gagal. Pada 1903, usaha diteruskan dan minyak ditemui di kawasan lombong arang batu di Pulau Berambang<sup>100</sup> tetapi belum mendatangkan hasil. Usaha terus dibuat pada 1914 di Labi dalam daerah Belait tetapi tidak mendatangkan hasil yang diharapkan.<sup>101</sup> Pada 1923 usaha diteruskan dan akhirnya berjaya pada 1929 apabila minyak telah ditemui di Seria. Penemuan minyak ini diharap akan dapat mengubah infrastruktur Brunei dari dikemeluti kemiskinan kepada masa depan yang cerah. Ini terbukti apabila keluaran pertamanya pada 1931 dicacatkan sebanyak 4,326 tan dengan nilai \$26,864.<sup>102</sup> Pada 1933 pengeluarannya telah menampakkan potensi yang amat besar untuk terus meningkat dan memberi keuntungan kepada Brunei. (lihat Jadual IV)

---

<sup>100</sup> G.C. Harper, The Discovery and Development of the Seria Oilfield, BMJ, Bil. 10, 1975, hal. 1.

<sup>101</sup> The Economy and Development of the State of Brunei, C.O. 1030/300, f. 4.

<sup>102</sup> BAR, 1931, hal. 8.

## JADUAL IV

### Jumlah Pendapatan Hasil Minyak 1933-1953

TAHUN	EKSPORT (TAN)	PENDAPATAN (\$)
<b>1933</b>	<b>280,523</b>	<b>580,000</b>
<b>1936</b>	<b>445,081</b>	<b>928,689</b>
<b>1939</b>	<b>685,257</b>	<b>1,274,644</b>
<b>1947</b>	<b>1,689,963</b>	<b>4,389,974</b>
<b>1950</b>	<b>4,011,463</b>	<b>17,302,869</b>
<b>1953</b>	<b>4,799,473</b>	<b>98,976,643</b>

Sumber: "The Economy and Development of the State of Brunei", C.O. 1030/300.

Dengan penemuan telaga-telaga baru 1940, pengeluarannya mencecah 851,430 tong dengan nilai \$7,514,893.<sup>103</sup> Semasa pendudukan Jepun usaha penggalian terhenti buat seketika sebaliknya telah diusahakan oleh Jepun dan dianggarkan pengeluarannya berjumlah 11,498,000 tong<sup>104</sup> tetapi tidak dikira sebagai pengeluaran Brunei.

Selepas Perang Dunia Kedua tamat, usaha menambahkan pengeluaran minyak diteruskan (lihat Jadual V). Pada 1946 Brunei telah berjaya menghasilkan minyak sebanyak 37,488 tong sehari.<sup>105</sup> Pengeluaran minyak tahun demi tahun menunjukkan tanda positif dan pada 1950 jumlah pengeluarannya sebanyak 4,011,463 tong dengan kadar nilai \$17,302,869.<sup>106</sup> Dengan jumlah royalti dan cukai perusahaan ini telah memberi sumbangan yang besar terhadap hampir 83% ke atas perkembangan ekonomi

---

<sup>103</sup> "Sixty Years On 1929-1989", dalam Menjangkau Enam-puluh Tahun, Brunei: Hal Ehwal Awam, Syarikat-Syarikat Minyak Shell, 1989.

<sup>104</sup> Ibid., hal.12.

<sup>105</sup> Harper, The Discovery and Development of the Seria Oilfield, hal. 1.

<sup>106</sup> The Economy and Development of the State of Brunei, C.O. 1030/300, f. 4.

Brunei.<sup>107</sup> Sumbangan ini juga menjadikan Brunei mempunyai jumlah lebihan yang besar dan meletakkannya sebagai salah sebuah negara yang terkaya di dunia. Kekayaan ini juga telah berjaya mengubah kedudukan politik, sosial serta pentadbiran yang akhirnya telah membangkitkan kesedaran untuk berkerajaan sendiri.

#### JADUAL V

##### **Pendapatan, Perbelanjaan dan Lebihan Brunei, 1949-1954**

TAHUN	PENDAPATAN (\$B)	PERBELANJAAN (\$B)	LEBIHAN (\$B)
1946#	774,145	679,596	94,549
1947#	4,389,974	1,797,597	2,592,377
1948#	6,586,299	3,740,254	2,846,045
1949	-	-	-
1950	17,302,869	7,112,504	10,190,365
1951	69,390,905	7,488,048	61,802,857
1952	75,652,619	13,846,239*	61,806,380
1953	98,976,643	23,652,796*	75,323,847
1954	95,900,000	29,820,000*	66,072,000
1955#	102,669,423	14,265,556*	88,403,867
1956#	118,294,880	18,233,656*	100,061,224
1957#	130,954,281	39,401,515*	91,552,766
1958#	131,273,257	34,282,740*	96,990,517
1959#	129,586,763	30,419,136*	99,149,627

\* termasuk perbelanjaan pembangunan.

Sumber: 'The Economy and Development of the State of Brunei', C.O 1030/300

# Brunei Annual Reports 1946-1948.

#### 1.5.2 Pengagihan Kekayaan Negeri

Jika dibandingkan jumlah penduduk Brunei pada 1952 kira-kira 49,600 orang<sup>108</sup> dengan jumlah pendapatan negeri tersebut kita dapat merumuskan bahawa negeri Brunei adalah salah sebuah negara yang terkaya di dunia. Namun sebaliknya

---

<sup>107</sup> Ibid., hal. 6.

<sup>108</sup> An Economic Survey of the Colonial Territories, London: Her Majesty's Stationery Office, Vol.V 1955, hal. 97.

kemajuan Brunei jauh tertinggal ke belakang. Nasib rakyat tidak berubah, pembangunan dan kemudahan-kemudahan tertumpu kepada Bandar Brunei dan bandar Seria sahaja untuk kepentingan pentadbir-pentadbir Inggeris dan juga pekerja-pekerja syarikat Shell. Keperluan asas bagi penduduk-penduduk seperti jalan-jalan raya, air, elektrik tidak mencukupi.<sup>109</sup> Yang lebih teruk ialah di kawasan luar bandar di mana semua kemudahan belum dinikmati.<sup>110</sup> Gaji pekerja-pekerja masih terlalu rendah cuma \$3.50 sehari. Ini menunjukkan taraf hidup terlalu rendah.<sup>111</sup> Sistem pendidikan belum menampakkan kemajuan. Bangunan sekolah masih menggunakan atap kajang.<sup>112</sup> Sehingga 1955 belum terdapat sebuah pun Suruhanjaya Pelajaran untuk menyusun sistem pendidikan di negeri Brunei<sup>113</sup>. Berbanding dengan keadaan di bandar Seria yang menjadi nadi ekonomi Brunei. Segala kemudahan disediakan oleh *British Malayan Petroleum Company* (BMPC) untuk dinikmati oleh pekerja-pekerjanya seperti perumahan, pengangkutan, kelab-kelab, panggung wayang, gas, bekalan elektrik dan juga air. Ini menggambarkan keadaan yang tidak seimbang bilamana kemudahan-kemudahan tersebut hanya untuk golongan-golongan tertentu serta tertumpu di satu tempat sahaja dan tidak secara menyeluruh. Hal ini menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat. Perasaan ini telah di bawa ke dalam Mesyuarat Penasihat Daerah.<sup>114</sup>

---

<sup>109</sup> Penyata Pembangunan Negeri Brunei 1953-1958, Brunei: The Brunei Press, 1958, hal. 7.

<sup>110</sup> Keputusan Majlis Mesyuarat Penasihat Daerah Brunei, 3 Februari 1955, BA/1158/83

<sup>111</sup> Ibid., 14 Oktober 1954, BA/1158/83.

<sup>112</sup> Penyata Pembangunan Negeri Brunei 1953-1958, hal. 7.

<sup>113</sup> Majlis Mesyuarat Penasihat Daerah, 17 October 1955, BA/ 1158/83.

<sup>114</sup> Ibid., 14.Okttober 1954; 3 Februari 1955; 2 Mei 1955, 17 Oktober 1955 dan 29 Disember 1955, BA 1158/83

## **1.6 Kemunculan Tokoh-Tokoh Berwawasan**

Memang pendudukan Jepun telah membuka mata orang-orang yang terjajah atau ternaung seperti Brunei. Sama ada di kalangan rakyat mahupun raja. Pada akhir 40-an dan awal 50-an telah muncul beberapa orang tokoh yang berwibawa dan berwawasan di Brunei. Antaranya Sultan Ahmad Tajuddin (1924-1950) dan Sultan Omar Ali Saifuddien III (1950-1967).

### **1.6.1 Sultan Ahmad Tajuddin**

Sultan Ahmad Tajuddin telah dilahirkan pada 2 September 1913 dan menaiki takhta pada 1924 ketika berumur 12 tahun. Disebabkan oleh usia yang terlalu muda, pemerintahan telah dijalankan oleh pemangku raja. Pada 1932, baginda telah pergi ke London selama lebih kurang satu tahun untuk belajar dan melihat lebih dekat mengenai tamadun Eropah.<sup>115</sup>

Semasa pemerintahan baginda (1924-1950), ekonomi Brunei mula menampakkan peningkatan hasil dari pengeluaran minyak. Malangnya, pendapatan negara tidak dapat dinikmati sepenuhnya oleh baginda dan rakyat Brunei. Sultan Ahmad Tajuddin sedar terhadap masalah tersebut. Baginda sedar terhadap kemiskinan rakyatnya dan apa yang diberikan oleh pihak British memang tidak berpadanan dengan kekayaan yang dimiliki oleh Brunei. Baginda juga rasa tersinggung dan terhina dengan layanan yang diberikan oleh British. Baginda tinggal di istana lama dan elau

yang diterima juga rendah cuma \$3,000 setahun.<sup>116</sup> Baginda juga telah membandingkan elauan yang diterima oleh raja-raja di Tanah Melayu lebih baik. Contohnya pada 1929, sultan Perak telah menerima elauan tahunan sebanyak \$50,000. Ini menyebabkan baginda terang-terang anti British. Kerana sikapnya terang-terang ini menyebabkan baginda tidak mendapat kerjasama dari Residen. Baginda sedar selagi British masih berkuasa, Brunei akan jauh tertinggal ke belakang sedangkan kekayaan yang dimiliki boleh mengubah Brunei menjadi sebuah negara yang moden. Kerana kesedaran ini dan sikap baginda yang anti British, baginda telah menyokong perjuangan Barisan Pemuda (BARIP)<sup>117</sup> yang akhirnya menjadikan pihak British tidak senang lalu membawa kepada konflik antara baginda dengan British.

Baginda cuba membuat pengaduan ke London mengenai perkara tersebut dan mengadakan perbincangan bagi mengkaji semula Perjanjian 1906 dan royalti minyak yang dibayar oleh Shell.<sup>118</sup> Malangnya cita-cita tersebut gagal apabila baginda mangkat di Singapura dalam perjalanan ke United Kingdom pada 1950. Pemerintahan Brunei kemudiannya telah diganti oleh adinda baginda Sultan Omar Ali Saifuddien III (1950-1967).

---

<sup>115</sup> BAR, 1931, hal.2.

<sup>116</sup> Horton, "The Development of Brunei", hal. 298.

<sup>117</sup> Haji Mohd. Jamil Umar, Liku-Liku Perjuangan, hal. 12.

<sup>118</sup> Horton, "The Development of Brunei", hal. 298.

### 1.6.2 Sultan Omar Ali Saifuddien III

Sultan Omar Ali Saifuddien III dilahirkan pada 23 September 1914, di Kampung Sultan Lama, Bandar Brunei. Sebelum menerima pendidikan moden baginda dididik dengan pendidikan agama Islam. Mungkin disebabkan latar belakang pendidikan ini baginda mempunyai kecenderungan yang kuat untuk menjalankan pemerintahannya dengan berpandukan kepada prinsip-prinsip agama Islam dan muhujadikan Brunei sebagai sebuah negara Islam.<sup>119</sup> Hal ini terbukti apabila baginda menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara.<sup>120</sup>

Pada 1932 iaitu ketika baginda berumur 18 tahun, baginda dihantar oleh British Residen, T.F. Carey ke Tanah Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak. Mengikut Brunei Annual Report,<sup>121</sup>

In February the sons of the Duli Pengiran Bendahara and Duli Pengiran Pemanca, the two Chief Ministers of State, were admitted to the Malay College at Kuala Kangsar. It had been hoped to send the Pengiran Muda at the same time but unexpected difficulties were raised. As this was the first occasion on which boys of princely rank had been sent for education outside the state considerable anxiety was felt as to the success of the experiment. So successful was the outcome that it proved possible to overcome the scruple concerning the Pengiran Muda and he too was admitted to the College in July. The three Princes are greatly benefiting by their schooling.

Sekembalinya dari Kuala Kangsar pada 1936, baginda berkhidmat dengan kerajaan Brunei sebagai pegawai kadet di Pejabat Hutan. Ini merupakan satu tugas

---

<sup>119</sup> Full Report of the Brunei Constitutional Advisory Committee, C.O. 1030/113, f. 150.

<sup>120</sup> Ibid.

<sup>121</sup> BAR, 1932, hal. 34.

yang sangat mencabar yang memberi kesempatan kepada baginda untuk menyaksikan sendiri kesengsaraan dan penderitaan yang tidak pernah dimaklumkan kepada sultan-sultan sebelumnya. Peristiwa tersebut masih dalam ingatan baginda apabila mengimbas kembali peristiwa tersebut;<sup>122</sup>

**In my work I had to use a parang and cangkul and hack my way through the jungle. I had to put signs, number trees and pull the chain used to get the correct spacing when planting trees.**

Pada 1936, baginda bertugas pula di Jabatan Mahkamah dan pada 1938, baginda menjadi pegawai pentadbir. Semasa pendudukan Jepun baginda bertugas di bawah Awang Ibrahim bin Muhammad Jaafar, setiausaha negeri<sup>123</sup>. Pada 15 Julai 1947, baginda dilantik menjadi Pengiran Bendahara. Baginda diisyiharkan menjadi Sultan Brunei pada 6 Jun 1950 dan ditabalkan pada 31 Mei 1951.<sup>124</sup>

Kesempatan baginda menuntut pelajaran di luar Brunei membolehkan baginda mendapat pendedahan terhadap pergolakan politik serantau dan antarabangsa. Pengalaman baginda berkhidmat di dalam perkhidmatan awam dan kesediaan baginda turun ke lapangan pula telah membolehkan baginda menyaksikan sendiri situasi negeri-negeri yang sebenar sehingga timbul rasa keinsafan di dalam hati baginda untuk mengubah nasib rakyat baginda.

---

<sup>122</sup> Borneo Bulletin, 13 September 1986. Lihat juga BAR, 1932, hal. 34.

<sup>123</sup> Graham Saunders, A History of Brunei, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994, hal. 128.

Sebenarnya perlantikan baginda ini mendapat sedikit tentangan dari puteri tunggal Sultan Ahmad Tajuddin iaitu Puteri Ehsan dengan sokongan Mr. Gerard MacBryan yang mendakwa menjadi penasihat kepada Sultan Ahmad Tajuddin dan penjaga kepada puteri baginda. Beliau juga mendakwa telah diamanahkan untuk memegang alat-alat kebesaran diraja iaitu kucing emas, tongkat ajai (sic) dan mohor negeri yang mesti dipakai sewaktu upacara perpuspaan. MacBryan menganggap lantikan tersebut adalah tidak sah. Mengikut MacBryan “*Princess Ehsan (16) the late Sultan's daughter, is the rightful heir and that he is her guardian*”.<sup>125</sup>

Dakwaan ini adalah tidak benar kerana alat-alat tersebut masih tersimpan dan digunakan semasa perpuspaan Sultan Omar Ali Saifuddien III. Berdasarkan kepada tradisi perlantikan raja-raja Brunei belum pernah berlaku seorang wanita dilantik menjadi Sultanah. Keputusan melantik Sultan Omar Ali Saifuddien III adalah betul kerana baginda adalah pewaris lelaki yang wajar menggantikan kekandanya kerana tidak mempunyai putera. Dokumen-dokumen yang didakwa oleh MacBryan mengenai hasrat dan cita-cita Sultan Ahmad Tajuddin adalah tidak sah kerana tidak mempunyai sebarang cap atau tanda tangan sebenar<sup>126</sup>. Bagi British, perlantikan Sultan Omar Ali Saifuddien III merupakan satu pilihan yang tepat kerana kebijaksanaan dan

---

<sup>124</sup> To The Secretary of State For The Colonies, 7 Jun 1950. Dan Speeches Made At Coronation of His Highness The Sultan of Brunei, 31 Mei 1951, C.O. 943/2.

<sup>125</sup> Ibid., ff. 41-43.

<sup>126</sup> Lihat dokumen-dokumen MacBryan enclose 2-7, Office of Philippine and Southeast Asian Affairs, Jun 1950. Jelas menunjukkan dokumen-dokumen ini tidak mempunyai sebarang kesahihan.

kewibawaan. Semasa upacara pertabalan Sultan Omar Ali Saifuddien III, Malcolm MacDonald telah berkata;<sup>127</sup>

**Sekiranya pun yang menduduki takhta itu dipilih menurut pilihan sekalian rakyatnya dan bukan dengan adat ganti turun-temurun, maka menteri yang muda ini juga akan menduduki takhta itu seperti yang kita lihat.**

Tempoh pemerintahan Sultan Omar Ali Saifuddien III (1950-1967), merupakan tempoh kebangkitan semula negara-negara Asia Tenggara mengembalikan kedaulatan dan identiti bangsa masing-masing selepas mengharungi tempoh penjajahan. Proses perjuangan kemerdekaan yang melanda negara-negara Asia Tenggara telah mempengaruhi perkembangan politik Brunei. Sebagai seorang Sultan yang berwibawa dan berpandangan jauh, baginda juga ingin melepaskan Brunei dari cengkaman kuasa penaungnya.

Pengalaman baginda dalam bidang pentadbiran negeri menjadikan baginda cukup maklum tentang dasar dan polisi British yang bercita-cita untuk melanjutkan pengaruhnya ke atas Brunei, sikap para pentadbir British yang mengabaikan tugas dan tanggungjawab untuk membimbing dan membantu memajukan rakyat dan negara sebagai sebuah negara naungan serta lebih mengutamakan kepentingan pihak mereka. Ini mendorong baginda mengorak langkah untuk mengambil alih semula kuasa dalam negeri memperbaiki taraf hidup rakyatnya dan meningkatkan pendidikan rakyat supaya tidak selama-lamanya bergantung kepada bantuan pegawai dagang.

---

<sup>127</sup> Teks ucapan Tuan Yang terutama, Rt. Hon. Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya Agung bagi Hal Ehwal United Kingdom, Speeches Made at Coronation of Highness The Sultan of Brunei, C.O. 943/2, f. 37.

Baginda juga sedar cita-cita ini tidak akan tercapai selagi Brunei di bawah kekuasaan residen. Kerana itu, dengan kekuasaan yang ada, baginda terus berusaha untuk mengurangkan kuasa residen. Walaupun Perjanjian 1906 dilihat telah memberikan kuasa kepada Residen British tetapi pada realitinya Sultan Omar Ali Saifuddien III lebih berkuasa. Kerana itu, baginda telah menggunakan kuasanya selaku Presiden Majlis Mesyuarat Negeri untuk menentukan dasar dan polisi pentadbiran. Majlis Negeri merupakan sebagai satu badan menggubal undang-undang dan perkara-perkara dasar yang penting dalam pentadbiran. Berdasarkan kepada kuasa dan kedudukannya sebagai Presiden dalam Majlis, nasihat residen tidak semestinya baginda turuti. Residen tidak lagi boleh mendesak sultan untuk menerima segala nasihatnya kecuali baginda memerlukannya. Dengan kuasa yang ada pada baginda serta sikap residen yang enggan mengikut kehendaknya baginda menyebabkan dua orang residen telah ditukar pada awal 1953-1954 atas sebab-sebab politik.

Tempoh pemerintahan baginda (1950-1967) juga merupakan tempoh yang mencabar akibat tekanan-tekanan dalam dan luar negeri apabila bermulanya proses kemerdekaan di negara-negara kelilingnya. Sungguhpun begitu baginda tidak mengikut rentak negara-negara jirannya yang mempunyai semangat dan keupayaan untuk berdiri sendiri. Kerana itulah semangat nasionalis Brunei amat berbeza dengan negara-negara jirannya. Sebagaimana titah baginda;<sup>128</sup>

---

<sup>128</sup> Ibid., f. 38.

... adalah kita sedar dengan sepenuhnya segala tanggungan-tanggungan yang berat yang kita akan beban, istimewa pula dalam masa yang kesusahan ini...

Sungguhpun banyak sudah perkara-perkara yang telah diperbuat di samping berbagai-bagi kesusahan dan kesukaran dalam masa 6 tahun dari semenjak penyudah pemerintahan Jepun... banyak lagi perkara-perkara yang akan diperbuat di dalam hal ehwal Kesihatan, tanam-tanaman dan di antara semuanya ialah pelajaran. Jika tidak dengan pertolongan dari luar, haruslah negeri ini tidak dapat memperolehi kemajuan dalam perkara-perkara ini.

#### 1.6.2.1 Rancangan Lima Tahun Pertama 1953-1958

Dengan menggunakan kuasa yang diperuntukkan kepadanya sebagai kuasa tertinggi dalam Majlis Mesyuarat Negeri , Sultan Omar Ali Saifuddien III telah melancarkan Rancangan Kemajuan Lima Tahun Pertama (1953-1958). Rancangan ini mendapat sokongan Majlis Mesyuarat Negeri pada bulan Julai 1953 yang meluluskan peruntukan berjumlah \$100 juta untuk diagihkan kepada rakyatnya.

Sebuah jawatankuasa telah dibentuk pada 1953 dengan jumlah ahli seramai 12 orang. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Residen British.<sup>129</sup> Sepanjang 1953 hingga 1958 mesyuarat jawatankuasa ini telah diadakan sebanyak 16 kali bagi membincangkan rancangan-rancangan yang akan dilaksanakan.<sup>130</sup> Rancangan ini telah dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama memberikan pencen dan elauan kemelaratan tiap-tiap bulan kepada orang yang berumur 60 tahun ke atas, orang-orang buta huruf, orang-orang berpenyakit kusta dan gila, janda-janda dan anak-anak yatim serta yang tidak dapat bekerja kerana cacat.<sup>131</sup> Rancangan ini menjadikan Brunei

---

<sup>129</sup> Penyata Pembangunan Negeri Brunei 1953-1958, hal. 15.

<sup>130</sup> Ibid.

<sup>131</sup> Ibid., hal. 129-130.

dikenali sebagai “negara kebajikan”. Keduanya melancarkan pembangunan fizikal dan kerohanian kepada rakyat dengan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti penempatan semula kepada penduduk-penduduk yang tinggal di Kampong Ayer dengan memberikan tanah untuk perumahan dan bercucuk tanam, membina jalan-jalan raya, pelabuhan, perkhidmatan telefon, lapangan terbang, bekalan air, masjid-masjid, pusat-pusat pendidikan dan perkhidmatan kesihatan.

Rancangan ini memberi keutamaan kepada pendidikan kerana baginda menyedari Brunei jauh tertinggal dalam bidang ini. Sejumlah \$15.2 juta telah diperuntukkan antara 1954-1960<sup>132</sup>. Kerana itu baginda menyeru supaya rakyatnya mengambil peluang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah demi persediaan bagi menghadapi masa-masa akan datang.<sup>133</sup> Baginda beranggapan Brunei tidak boleh terus bergantung kepada bantuan luar untuk mengisi kekosongan jika mahu menamatkan kuasa Residen. Bagi mencapai hasrat tersebut kerajaan telah memperuntukkan biasiswa kepada pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Pada 1953 sejumlah 60 biasiswa diperuntukkan dan pada 1958 meningkat menjadi 1,035.<sup>134</sup>

Masalah utama yang dihadapi oleh kerajaan ialah kekurangan tenaga mahir untuk melaksanakan rancangan ini. Brunei ketika ini hanya mempunyai seorang Residen dan dua orang penolong yang ditempatkan di Bandar Brunei dan Kuala Belait.

---

<sup>132</sup> Recent Developments in British Borneo, Foreign Service Despatch From American Consul General, Singapore to the Department of State, Washington D.C, 25 Jun 1958. RG 59, 746H.00/6.2558 HBS.

<sup>133</sup> Penyata Pembangunan Negara Brunei 1953-1958, hal. 119.

<sup>134</sup> Ibid., hal. 129-130.

Seorang Pegawai Kewangan Negeri, Seorang Pegawai Kejuruteraan Negeri dan dua orang penolong yang ditempatkan di Bandar Brunei dan seorang di Kuala Belait, seorang Pegawai Kejuruteraan Elektrik, empat orang doktor dan seorang pegawai di Jabatan Pelajaran<sup>135</sup>. Oleh kerana kurangnya pegawai-pegawai dan tenaga mahir untuk melaksanakan rancangan ini kerajaan Brunei terpaksa memasukkan beberapa orang jurutera, pegawai teknik dari luar negeri untuk mengisi jawatan tersebut yang diketuai oleh seorang penasihat iaitu E.R. Bevington;<sup>136</sup>.

Tidak dapat dinafikan bahawa langkah memasukkan pegawai-pegawai dagang untuk memenuhi keperluan pembangunan dapat dianggap sebagai melangkah ke belakang kerana wujudnya jurang yang lebar di antara pegawai dagang dengan pegawai tempatan yang akhirnya akan mengurangkan dan mengecilkan peranan pegawai tempatan. Kehadiran pegawai-pegawai dagang setentunya akan mempengaruhi polisi dan pembuat keputusan politik dan pentadbiran.

Keadaan ini sangat disedari oleh sultan dan kerajaan tetapi oleh kerana tidak ada pilihan lain ia terpaksa dilaksanakan. Namun demikian kerajaan telah mengambil satu langkah bijak. Di samping penggunaan pegawai dagang kerajaan terus membuat perancangan latihan untuk melengkapkan dan menyediakan pegawai-pegawai tempatan dengan kemahiran yang diperlukan.

---

<sup>135</sup> Ibid., hal. 7-8.

<sup>136</sup> Penyata Pembangunan Negeri Brunei, 1953-1958.

### **1.6.2.2 Rancangan Kemajuan Pendidikan**

Tahap pendidikan rakyat agak rendah. Sekolah Melayu Kerajaan yang pertama telah didirikan pada 1912 di Pekan Brunei.<sup>137</sup> Tidak terdapat tempat-tempat latihan asas untuk melahirkan golongan pentadbir. Kurikulum sekolah tidak tersusun dan berasaskan falsafah “*liberal or 'all-round education'*”<sup>138</sup> yang cuma mengenalkan pelajaran-pelajaran asas sains seperti pertanian, kesihatan, ilmu hisab dan sastera. Perkembangannya tertakluk pada budi bicara Residen. Keadaan ini berterusan sehingga ke 1949 apabila James Pearce menjadi Pegawai Pelajaran Negeri.<sup>139</sup> Sehingga 1950 kelulusan tertinggi murid-murid hanya setakat darjah IV dan kebanyakan mereka tidak mahu melanjutkan pelajaran.<sup>140</sup> Menurut laporan tersebut cuma 48 peratus sahaja kanak-kanak yang berumur 6-14 tahun yang berpeluang bersekolah. Oleh itu sukarlah untuk melahirkan pegawai yang berkelayakan untuk memenuhi keperluan-keperluan tenaga mahir yang terdiri dari rakyat Brunei sendiri

Rancangan Kemajuan Negara lima tahun yang diperkenalkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III, telah membawa perubahan besar ke atas perkembangan pelajaran di negara ini. Pelajaran bukan lagi dipandang sebagai keperluan individu dalam usaha meningkatkan taraf sosial di kalangan rakyat malahan merupakan satu tugas dan tanggungjawab kerajaan bagi memenuhi keperluan dalam menuju masa depan yang

---

<sup>137</sup> An Economic Survey of the Colonial Territories, C.O. 1030/300, f. 98

<sup>138</sup> Borneo Bulletin, 20 November 1954.

<sup>139</sup> Matassim Haji Jibah, “Perkembangan Persekolahan Melayu Di Brunei dalam Pentadbiran Sistem Residen 1906-1959”, BMJ, Jabatan Museum Brunei, Brunei, 1983, hal. 8.

<sup>140</sup> H.J. Padmore, Brunei Education Department Triennial Report for 1955-1957, Brunei: The Brunei Press, hal. 8.

selepas ini barulah muncul Parti Rakyat Brunei yang juga berusaha untuk menuntut kemerdekaan. Untuk merealisasikan cita-cita ini baginda telah menubuhkan sebuah komite untuk meminta pandangan rakyat mengenai rancangan tersebut. Setelah mendapat persetujuan dan mandat rakyat pada 1953 sebuah proposal telah siap digubal dan dihantar kepada Pesuruhjaya Tinggi British ke Brunei untuk diluluskan.<sup>150</sup> Perundingan ini memakan masa yang agak lama. Hanya pada 1957, barulah kertas cadangan tersebut diluluskan untuk dibincangkan di London.<sup>151</sup>

### 1.7 Berakhirnya Sistem Pemerintahan Residen

Perundingan 1957, di antara Kerajaan British dengan rombongan Brunei yang diketuai oleh Sultan Omar Ali Saifuddien III berkisar mengenai kuasa. Baginda mahu supaya kuasa dalam negeri diserahkan kepada Sultan dan jawatan Residen dihapuskan diganti dengan jawatan Menteri Besar. Kerajaan British tidak mempunyai sebab untuk menghalang Sultan mengambil alih semula kuasa tetapi enggan menerima cadangan menghapuskan kuasa Residen. British bimbang pengaruh dan kepentingannya ke atas kekayaan Brunei akan terancam.

Semasa perundingan kedua pada Mac 1959,<sup>152</sup> satu tolak ansur antara kedua pihak telah dipersetujui. Kerajaan British setuju menamatkan sistem beresiden sementara kerajaan Brunei setuju menerima seorang Pesuruhjaya Tinggi British untuk kepentingan keselamatan Brunei. Akhirnya pada 29 September 1959, perlombagaan

---

<sup>150</sup> Ibid., hal.148

<sup>151</sup> Perundingan antara Sultan Omar Ali Saifuddien III dengan Kerajaan British akan dibincangkan dalam Bab II.

bertulis bagi negeri Brunei telah diisyiharkan. Perlembagaan ini telah menamatkan kuasa Residen apabila kuasa pemerintahan telah diserahkan kepada Sultan. Perlembagaan telah memberikan Brunei kepada taraf berkerajaan sendiri.

---

<sup>152</sup> Brunei Constitutional Conference Meeting Minutes 1959, 23 Mac 1959, C.O. 1030/526.